



03 DEC, 2021

Lotus's bantu PKS bangkit semula

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Lotus's bantu PKS bangkit semula

Kempen Beli Barangan Malaysia pasar produk usahawan tempatan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Ampang: Lotuss Stores Malaysia Sdn Bhd (Lotus's Malaysia), sebelum ini dikenali sebagai Tesco

Malaysia, melancarkan Kempen Beli Barangan Malaysia, buat pertama kalinya bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Menerusi kempen itu, Lotus's Malaysia memberi tumpuan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), bagi membantu mereka bangun semula susulan impak pandemik COVID-19.

Pengarah Eksekutif Perkhidmatan Korporat Lotus's Malaysia, Azliza Baizura Azmel, berkata sebagai peruncit terkemuka di Malaysia, pihaknya memamahi tanggungjawabnya dalam

memastikan PKS tempatan, yang menjadi tonggak penting pertumbuhan ekonomi dapat berkembang dan bertahan.

Untuk tujuan itu juga, beliau berkata, Lotus's Malaysia berhasrat untuk terus melabur di negara ini dengan menambahkan stor dalam pelbagai format, menjual pada harga patut dan mewujudkan peluang pekerjaan untuk Keluarga Malaysia.

"Kami sentiasa percaya dengan keupayaan dan kualiti PKS tempatan. Ia dibuktikan dengan 90 peratus daripada lebih 3,000 barangan berjenama Lotus's di hasil dan dikilangkan di Mala-

aysia," katanya selepas majlis pelancaran Kempen Beli Barangan Malaysia di Lotus's Ampang, semalam.

Kempen itu dirasmikan Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Kempen Beli Barangan Malaysia itu berlangsung dari semalam hingga Ahad ini. Antara program yang dijalankan adalah pameran Produk Cita Rasa Keluarga Malaysia, membabitkan 16 PKS, termasuk 10 pembekal sedia ada Lotus's Malaysia.

Azliza Baizura berkata, pasukan Sokongan PKS Lotus's sentiasa mencari pembekal berpo-

tensi dan bekerjasama dengan kementerian serta agensi berkaitan seperti Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk tujuan itu.

Beliau berkata, setakat ini, pihaknya menggajikan 9,000 pekerja dalam seluruh operasinya dan semua 62 stor serta dua pusat pengedarannya dikendalikan sepenuhnya oleh rakyat tempatan.

Baru-baru ini, Lotus's Malaysia dianugerahkan Peruncit Asing Terbaik dan Kedai Harga Patut pada Malam Anugerah Perdagangan Dalam Negeri 2020.



Hasnol Zam Zam bersama Azliza Baizura melihat kotak prihatin selepas perasmian Kempen Beli Barangan Malaysia di Lotus's Ampang, semalam.
(Foto Hazreen Mohamad/BH)



03 DEC, 2021

Lotus's bantu PKS bangkit semula

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kempen Beli Barangan Malaysia pasar produk usahawan tempatan

Ampang: Lotuss Stores Malaysia Sdn Bhd (Lotus's Malaysia), sebelum ini dikenali sebagai Tesco

Malaysia, melancarkan Kempen Beli Barangan Malaysia, buat pertama kalinya bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Menerusi kempen itu, Lotus's Malaysia memberi tumpuan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), bagi membantu mereka bangun semula susulan impak pandemik COVID-19.